

1062

## TAHAP PENGETAHUAN PELAJAR MRSM ULUL ALBAB MENGENAI PROGRAM TAHFIZ

Mardhiah Binti Yahaya,  
Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor  
[mardhiah@kuis.edu.my](mailto:mardhiah@kuis.edu.my)

Dr. Siti Rosilawati bt Ramlan  
Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia.  
[rosilawati@usim.edu.my](mailto:rosilawati@usim.edu.my)

Aslam Farah bt Selamat  
Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor  
[aslamfarah@kuis.edu.my](mailto:aslamfarah@kuis.edu.my)

### ABSTRAK

Institusi pendidikan tahfiz kini berkembang pesat di Malaysia. Ia merupakan pilihan utama masyarakat di Malaysia dalam sektor pendidikan. Majlis Amanah Rakyat (MARA) mengambil inisiatif dengan mentransformasi beberapa institusi nya dari program pendidikan sains tulen kepada penambahan program baru iaitu program tahfiz (Program Ulul Albab) di beberapa MRSM yang terpilih. Sehubungan dengan itu, kajian ini memfokuskan tahap pengetahuan pelajar mengenai program tahfiz di MRSM Ulul Albab. Kajian ini adalah berbentuk deskriptif yang berdasarkan pendekatan kuantitatif menggunakan instrumen soal selidik kemudian disokong oleh data kualitatif iaitu temu bual dan analisis dokumen. Seramai 233 pelajar telah dipilih sebagai responden dari MRSM Kota Putra, MRSM Gemencheh dan MRSM Kepala Batas. Data kuantitatif kemudiannya dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences 20.0* (SPSS 20.0). Manakala data temu bual dianalisis secara deduktif untuk mendapatkan kesimpulan yang khusus. Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap pengetahuan pelajar mengenai program tahfiz ini berada dalam interpretasi tahap sederhana. Matlamat dan objektif memerlukan kepada penambahbaikan agar dapat membantu proses pengajaran lebih bersistematis seterusnya mencapai matlamat dan objektif Program Ulul Albab. Penambahbaikan dan pelaksanaan yang mengikut keperluan semasa dan jangka masa panjang pelajar amat diperlukan agar para *huffaz* yang bakal lahir berkualiti tinggi demi memenuhi keperluan dan peranannya kepada masyarakat dan negara.

**KATA KUNCI:** Tahfiz, Pengetahuan, Pelajar, MRSM Ulul Albab

### 1.0 PENGENALAN

Pendidikan al-Quran merupakan suatu cabang ilmu yang paling asas kepada umat Islam. Ia meliputi pengajian dan tatacara pembacaan nya, kaedah-kaedah hafazan, pengkajian penterjemahan dan tafsir, pengkajian hukum-hukum dan sebagainya (Abdullah, Safar, Mustari,

Muhammad, dan Ismail, 2003). Matlamat utama pendidikan al-Quran adalah mendidik manusia supaya mengabdikan diri kepada Allah s.w.t. Manakala motif pendidikan al-Quran ialah membina masyarakat yang bertaqwa, masyarakat yang bertolak ansur, bertanggungjawab, berfikiran bebas, demokrasi, tidak zalim, tidak sompong dan masyarakat yang berjalan mengikut garis panduan al-Quran (Mohd. Salleh, 1997, hlm. 15).

Sejarah pembelajaran al-Quran secara hafazan bermula sejak turunnya ayat pertama dari al-Quran kepada Nabi Muhammad s.a.w. Baginda adalah seorang *ummi* iaitu seorang yang tidak berilmu yakni tidak tahu membaca dan menulis (Kamus Mawrid, 1999, p. 172). Rasulullah s.a.w menghafaz ayat al-Quran yang diajarkan oleh malaikat Jibril a.s di Gua Hira' ketika wahyu pertama diturunkan baginda. Penurunan al-Quran secara berperingkat membantu dan memudahkan Rasulullah s.a.w untuk menyampaikannya kepada para sahabat yang kemudiannya menghafaz dan memahami isi kandungannya (al-Hafiz, 2002, hlm. 20-22).

## 2.0 LATAR BELAKANG KAJIAN

Mantan Perdana Menteri Malaysia Ke-5 dalam ucapannya di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) pada 15 November 2006, berkata:

GAGASAN KETIGA: membangunkan modal insan; melalui program pendidikan berkualiti dan holistik untuk memperlengkapkan warga Malaysia bagi menghadapi dunia global disusuli dengan kelahiran masyarakat kreatif dan inovatif yang menjadi komponen kepada barisan warga berfikiran dan berbudaya kelas pertama. Kita memerlukan barisan warga yang menguasai pengetahuan, ilmu, kemahiran dan maklumat.

Di dalam petikan ucapan di atas, boleh disimpulkan bahawa keseriusan pihak kerajaan dalam membangunkan sumber modal insan yang berkualiti dan berdaya saing adalah melalui pendidikan.

“Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi dan silih bergantinya malam dan siang terdapat tanda-tanda bagi orang yang berakal”. (Ali Imran:190).

Ayat ini memperingatkan manusia betapa pentingnya akal. Justeru itu akal manusia perlu dibangunkan. Program pembangunan akal manusia adalah usaha untuk membangunkan masyarakat “Ulul Albab” yang merupakan barisan insan yang berupaya menganalisis, menguasai sains, memahami falsafah dan menguasai teknologi. Ayat ini menuntut umat untuk memperlengkapkan minda, agar manusia memiliki keupayaan menghadapi dunia moden.

Membangunkan masyarakat Ulul Albab terdiri daripada saintis dan teknologis, usahawan dan teknokrat adalah suatu kewajipan yang membolehkan ummah mendaki tangga kemajuan hingga sampai ke puncak kejayaan. Adalah menjadi tanggungjawab kerajaan menyediakan prasarana dan membekalkan kemudahan untuk melahirkan masyarakat Ulul Albab.

Rentetan daripada inilah, ungkapan “Ulul Albab” mula menular dan menjadi perhatian dengan memperkasakan pendidikan yang sedia ada kepada penambahan program Ulul Albab (UA) seperti yang telah dilakukan di MRSM Ulul Albab (UA). Istilah UA ini merupakan salah satu transformasi dua bidang ilmu iaitu ilmu duniawi (sains) dan ilmu ukhrawi (agama) dalam sistem pendidikan di Malaysia. Tiga ciri iaitu Quranik, Ijtihadik dan Ensiklopedik adalah paksi utama Program UA yang merupakan sistem pelaksanaan kurikulum, ko-kurikulum dan hafazan al-Quran (Norhazriah, 2012).

## 2.1 Quranik

Merujuk kepada kemampuan pelajar menghafaz 30 juz ayat suci al-Quran serta memahaminya berdasarkan konsep baca, ingat, faham, fikir, amal dan sebar (BIFFAS) (Maktab Rendah Sains Mara Kepala Batas [MRSM], 2016). Aktiviti quranik berjalan di dalam kelas melalui proses pengajaran dan pembelajaran secara formal dan informal. Pelajar akan dibahagikan mengikut beberapa kumpulan dari kelas akademik yang sedia ada. Seterusnya pelajar akan diserahkan kepada guru hafazan untuk melakukan aktiviti tersebut selama 1 jam.

## 2.2 Ensiklopedik

Ciri-ciri pelajar yang berpengatahanan tinggi yang mampu menjadi sumber rujukan masyarakat serta menguasai pelbagai bidang ilmu dan bahasa. Aktiviti yang diwujudkan untuk melahirkan pelajar yang mempunyai ciri-ciri ini ialah mengadakan kelas Bahasa Jepun, Bahasa Mandarin dan Bahasa Arab. Selain itu a, program UA menyediakan kemudahan ICT yang mencukupi, lengkap dan terkini kepada para pelajar. Di samping, memberikan kemahiran-kemahiran asas seperti Kemahiran Asas Tingkatan 1 (KAT 1), Kemahiran Amalan Belajar (KAB) dan Kursus Kemahiran Berfikir (KKB). Setiap aktiviti-aktiviti ini diperkasakan oleh guru-guru untuk menghasilkan produk yang berkualiti mengikut objektif dan matlamat MRSM UA.

## 2.3 Ijtihadik

Melatih pelajar untuk mampu berkeupayaan menyumbang idea yang bernalas, membuat penyelesaian masalah, menginovasikan dengan memaksimakan keupayaan berfikir dengan kreatif dan kritis serta berteknologi tinggi. Aktiviti yang sesuai untuk mencapai hasrat ini ialah dengan mewujudkan kelab-kelab berteknologi tinggi seperti avionik, robotik dan solar. Selain dari itu, Aktiviti ko-kurikulum bagi memantapkan sahsiah, perkembangan minda dan fizikal para pelajar seperti memanah, berkuda dan berenang. Begitu juga aktiviti keusahawanan bertujuan melahirkan pelajar yang mampu menceburkan diri dalam bidang keusahawanan.

## 3.0 PERNYATAAN MASALAH KAJIAN

Selari dengan perkembangan ilmu dan pendidikan yang pesat di Malaysia kini, Majlis Amanah Rakyat (MARA) tidak ketinggalan dalam usaha melahirkan golongan ini dengan menujuhkan sekolah beraliran tahniz dengan gabungan subjek sains tulen iaitu Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Program UA. Meskipun perkembangan sekolah tahniz di Malaysia ini berkembang dengan pesatnya, namun kurikulumnya masih berada di tahap lama tanpa sebarang bentuk penambahbaikan. Di dalam kajian Azmil Hashim (2010), dinyatakan bahawa walaupun penilaian impak menggambarkan keperluan dan matlamat pendidikan tahniz hampir tercapai, namun penilaian keberkesanannya menggambarkan bahawa objektif pendidikan tahniz dan kualiti pencapaian tahniz masih berada pada tahap sederhana.

Hal ini turut berlaku di MRSM UA di mana pencapaian hafazan tidak selari dengan pencapaian akademik. Hanya 118 orang daripada 168 orang pelajar yang berjaya khatam dari MRSM Kepala Batas, 82 orang dari 164 orang pelajar yang khatam dari MRSM Kota Putra dan 107 orang daripada 177 orang pelajar yang berjaya khatam dari MRSM Gemencheh pada tahun 2015 (e-hafazan, 2015) . Mereka seharusnya khatam pada tahun 2013 seperti yang terdapat di dalam Modul Quranik (MQ), namun pada tahun 2015 pencapaian pelajar masih juga tidak

mencapai target. Meskipun pelajar-pelajar ini telah banyak mencipta sejarah buat institusi mereka, contohnya MRSM Gemencheh dalam bidang akademik mendapat Gred Purata Maktab (GPM) tertinggi di dalam tahun 2010, 2011, 2013 juga maktab terbaik dalam Penilaian Menengah Rendah (PMR) pada tahun 2013 daripada 39 MRSM seluruh Malaysia.

#### **4.0    OBJEKTIF KAJIAN**

1. Mengenalpasti persepsi pelajar terhadap perlaksanaan program Ulul Albab.
2. Menilai keberkesanan perlaksanaan program Ulul Albab di MRSM Ulul Abab

#### **5.0    SOALAN KAJIAN**

1. Apakah persepsi pelajar terhadap perlaksanaan Program Ulul Albab?.
2. Sejauh mana keberkesanan perlaksanaan program Ulul Albab di MRSM Ulul Albab?

#### **6.0    KEPENTINGAN KAJIAN**

Kajian ini amat penting untuk dijalankan bagi mengkaji sistem pendidikan yang terdapat dalam Program UA iaitu dari sudut matlamat dan objektif. Seterusnya dapat mengesan kelemahan dan memberi cadangan agar sistem yang wujud sekarang akan tampak lebih licin dan berkesan selari dan selaras dengan peredaran masa kini.

#### **7.0    BATASAN KAJIAN**

Skop dan limitasi kajian akan tertumpu terhadap perlaksanaan Program UA berpandukan objektif, visi dan misi di MRSM UA. Kajian ini dijalankan di MRSM yang menjalankan Program UA iaitu MRSM Gemencheh, MRSM Kota Putra dan MRSM Kepala Batas. Ia melibatkan pelajar-pelajar tamat SPM yang mengikuti Program UA di ketiga-tiga MRSM UA. MRSM Gemencheh, MRSM Kota Putra dan MRSM Kepala Batas. Sebanyak 233 orang pelajar tamat SPM pelajar MRSM Program UA sebagai responden dalam kajian ini.

#### **8.0    METODOLOGI KAJIAN**

##### **8.1    Kajian Kuantitatif**

Kajian ini merupakan kajian berbentuk kuantitatif. Set soal selidik sebagai instrumen kajian telah diagihkan kepada responden kajian yang mengandungi variable-variable yang berkaitan dengan objektif kajian. Data yang diperoleh melalui soal selidik dianalisis dengan menggunakan perisian Statistical Package for the Social Science (SPSS) versi 22.0. Penyelidik menggunakan kaedah penyelidikan deskriptif untuk mengumpul data-data bagi menjawab persoalan status semasa subjek atau sesuatu yang dikaji.

Penyelidik menggunakan Skala Likert Lima mata sebagai skala jawapan responden terhadap semua pernyataan yang digunakan dalam instrumen kajian. Di dalam instrumen soal selidik ini, responden diminta memilih jawapan mereka dengan menandakan salah satu nombor dari satu hingga lima berdasarkan keterangan bagi nombor-nombor tersebut. Skala persetujuan jenis Likert, iaitu Sangat Tidak Setuju (STS) diberi skot (1) hingga kepada Sangat Setuju (SS) yang diberi skot (5). Interpretasi terhadap nombor-nombor dan skala-skala seperti di dalam Jadual 1.0

**Jadual 1.0**  
**Skala Likert Lima Mata dan Interpretasi**

<b>Skala</b>	<b>Tahap Pengetahuan Pelajar</b>
1	Sangat Tidak Setuju (STS)
2	Tidak Setuju (TS)
3	Kurang Setuju (KS)
4	Setuju (S)
5	Sangat Setuju (SS)

Sumber: Ubahsuai dari Azmil Hashim (2010)

## 8.2 Kajian Kualitatif (Temu Bual Separa Berstruktur)

Instrumen temu bual merupakan salah satu dari instrumen yang digunakan bagi memperoleh data kualitatif yang membantu penyelidik dalam menyokong dan menghuraikan beberapa data yang diperoleh dalam soal selidik. Pemilihan responden untuk temu bual adalah berdasarkan kaedah persampelan *purposive* iaitu pelajar-pelajar di MRSM UA. Proses temu bual ini terlebih dahulu diberikan penerangan oleh penyelidik bertujuan agar temu bual yang dijalankan supaya tidak menimbulkan kekeliruan. Temu bual ini melibatkan enam orang pelajar dari MRSM UA. Data temu bual diperoleh melalui rakaman suara bagi mendapatkan data kualitatif yang dimahukan. Aspek yang diberi penekanan adalah matlamat dan objektif program UA. Selepas sesi temu bual, rakaman ditranskripsi selepas sesi temu bual dilakukan. Tujuan sesi temu bual ini pastinya menuntut kepada penjelasan dan sokongan untuk data instrumen.

## 9.0 DAPATAN KAJIAN

### 9.1 Matlamat dan Objektif Program Ulul Albab

Jadual 1.1 menunjukkan min, sisihan piawai, kekerapan, peratusan dan interpretasi min persetujuan mengikut persepsi pelajar terhadap perlaksanaan Program UA di MRSM UA. Min keseluruhan bagi semua item bahagian ini ialah 3.07 dan sisihan piawai 1.05 berada pada tahap interpretasi sederhana tinggi.

Min dua item dalam matlamat dan objektif berada pada tahap tinggi iaitu berminat menghafaz al-Quran setelah memasuki ke MRSM UA ( $\text{min}=4.43$ ,  $\text{sp}=0.73$ ) dan perlu kepada penambahbaikan untuk lebih bersistematis ( $\text{min}=4.23$ ,  $\text{sp}=0.91$ ). Manakala 4 item berada dalam interpretasi sederhana tinggi iaitu perlaksanaan Program UA yang bersistematis tidak membebangkan pelajar ( $\text{min}=3.80$ ,  $\text{sp}=1.09$ ), aktiviti dan Program UA terlalu padat ( $\text{min}=3.03$ ,  $\text{sp}=1.14$ ), kaedah dan teknik memberi kesan positif ( $\text{min}=3.35$ ,  $\text{sp}=1.03$ ) dan program UA yang tidak dilaksanakan ( $\text{min}=3.38$ ,  $\text{sp}=1.12$ ). Bagi item yang mendapat interpretasi sederhana rendah iaitu item negatif sebanyak 4 item iaitu pemahaman matlamat Program UA ( $\text{min}=2.43$ ,  $\text{sp}=1.21$ ), keliru tentang kaedah dan teknik hafazan ( $\text{min}=2.62$ ,  $\text{sp}=1.16$ ), kaedah dan teknik tidak membantu pencapaian hafazan ( $\text{min}=2.02$ ,  $\text{sp}=1.07$ ) dan suasana persekitaran tidak membantu dalam merealisasikan Program UA ( $\text{min}=2.57$ ,  $\text{sp}=1.25$ ). Manakala item kelas hafazan yang membosankan (item negatif) mendapat min yang paling rendah ( $\text{min}=1.73$ ,  $\text{sp}=0.89$ ).

#### Jadual 1.1

Perspektif Pelajar Terhadap Perlaksanaan Program Ulul Albab

<b>Perspektif Pelajar</b>	<b>STS</b>	<b>TS</b>	<b>KS</b>	<b>S</b>	<b>SS</b>	<b>Min</b>	<b>S.P</b>	<b>Interpretasi</b>
Minat menghafaz al-Quran	0 0%	3 1.3%	23 10%	77 33.6%	130 55.8%	4.43	0.72	Tinggi
Pemahaman matlamat program ulul albab	62 26.6%	76 32.8%	40 17.2%	42 18%	13 5.6%	2.43	1.21	Sederhana Rendah
Kelas hafazan (bosan)	118 50.6%	72 30.9%	33 14.2	8 3.5	2 0.9%	1.73	0.89	Rendah
Perlaksanaan program hafazan	9 3.9%	20 8.6%	53 22.7%	77 33%	74 31.8%	3.80	1.09	Sederhana Tinggi
Aktiviti dan program ulul albab (jadual)	24 10.3%	50 21.5%	80 34.3%	53 22.7%	26 11.2%	3.03	1.14	Sederhana Tinggi
Pemahaman tentang kaedah dan teknik hafazan (keliru)	43 18.5%	72 30.9%	66 28.3%	34 14.6%	18 7.7%	2.62	1.16	Sederhana Rendah

**Perspektif Pelajar Terhadap Perlaksanaan Program Ulul Albab (samb)**

<b>Perspektif Pelajar</b>	<b>STS</b>	<b>TS</b>	<b>KS</b>	<b>S</b>	<b>SS</b>	<b>Min</b>	<b>S.P</b>	<b>Interpretasi</b>
Kaedah dan teknik membantu pencapaian hafazan	12 5.2%	20 8.6	69 29.6%	93 39.9%	39 16.7%	3.55	1.03	Sederhana Tinggi
Kaedah dan teknik tidak membantu pencapaian hafazan	97 41.6%	65 27.9%	47 20.2%	18 7.7%	6 2.6%	2.02	1.07	Sederhana Rendah
Program ulul albab yang tidak terlaksana	15 6.4%	30 12.9%	85 36.5%	58 24.9%	45 19.3%	3.38	1.12	Sederhana Tinggi
Program ulul albab yang terlaksana	15 6.4%	30 12.9%	85 36.5%	58 24.9%	45 19.3%	3.38	1.12	Sederhana Tinggi
Suasana persekitaran tidak membantu	55 23.6%	70 30%	48 20.6%	40 17.2%	20 8.6%	2.57	1.25	Sederhana Rendah
Perlu penambahbaikan	3 1.3%	7 3.0%	37 15.9%	71 30.5%	115 49.4%	4.24	0.60	Sederhana Tinggi

<b>Min keseluruhan</b>	<b>3.07</b>	<b>1.05</b>
	Sederhana	Tinggi

## 10. RUMUSAN DAN SARANAN

Kajian ini dijalankan adalah untuk melihat tahap pengetahuan pelajar MRSM UA terhadap program tafhiz yang telah mereka tempuh selama 5 tahun di MRSM tersebut dari sudut persepsi mereka. Berdasarkan dua objektif yang telah dinyatakan dapat dikenalpasti bahawa tahap pengetahuan pelajar terhadap perlaksaan program UA adalah seperti berikut:

- 10.2 Aktiviti dan program UA yang dirancang di MRSM terlalu padat lalu mengakibatkan pelajar hilang fokus untuk menghafaz al-quran. Ini dibuktikan dalam data instrumen yang mencatatkan interpretasi sederhana tinggi ( $\text{min}=3.03, \text{sp}=1.14$ ). Ia juga disokong dengan data temu bual bersama pelajar yang menyatakan bahawa masalah utama mereka gagal untuk *tasmi'* di dalam kelas kerana kekangan masa seperti masa tahdir diganggu dengan pengisian lain dan kadang-kadang terpaksa menggunakan waktu tahdir untuk menyiapkan tugas yang diberi oleh guru yang terlalu banyak.
- 10.3 Item penambahbaikkan terhadap perlaksanaan program ini, penyelidik mengenal pasti bahawa ia tidak boleh dikesamping dan diabaikan kerana item ini mencatatkan interpretasi yang tinggi ( $\text{min}=4.24, \text{sp}=0.91$ ). Data ini kemudian disempurnakan pula oleh data instrumen yang menunjukkan para pelajar sangat mengharapkan kepada penambahbaikkan terutamanya dari segi susunan jadual kelas hafazan dan kelas akademik serta jadual ko-kurikulum Program UA.
- 10.4 Objektif utama pendidikan tafhiz yang dinyatakan dalam Program Ulul Albab iaitu melahirkan generasi al-Quran yang beriman, bertaqwa, berilmu, berakhhlak mulia, berketrampilan, bertanggungjawab dan dapat berbakti kepada agama, bangsa dan Negara masih terlalu umum yang seharusnya diperincikan dan prestasinya sukar untuk diukur dan dinilai.
- 10.5 Objektif kedua Program Ulul Albab ini melahirkan pelajar-pelajar yang berlatarbelakangkan sains dan tafhiz al-Quran yang dapat memenuhi syarat untuk mengikuti pengajian dalam bidang profesional dan teknikal di universiti-universiti tersohor di seluruh dunia. Sejauh mana para pelajar mampu untuk membawa subjek sains seiring dengan tafhiz. Hal ini harus diperhalusi dan dipertimbangkan agar konsep pendidikan tafhiz yang telah dirangka di dalam Modul Quranik tidak lari dengan konsep sebenar pendidikan tafhiz itu sendiri walaupun zaman semakin canggih dan berteknologi.
- 10.6 Begitu juga dengan objektif ketiga yang terdapat di dalam Modul Quranik iaitu melahirkan pelajar-pelajar yang dapat menghafaz al-Quran 30 juz dalam tempoh 3 tahun agar dapat dihadami oleh pelajar dengan pendekatan yang lebih murni agar lebih sesuai dan mudah menghafaz al-Quran dengan tempoh yang diberi. Oleh yang demikian berdasarkan dapatan objektif pendidikan tafhiz perlu di struktur semula agar ianya lebih efektif dan berkesan serta boleh diimplementasikan dalam kurikulum tafhiz al-Quran<sup>11</sup>.

## KESIMPULAN

Secara keseluruhannya penyelidik mendapati perlaksanaan program UA adalah dalam tahap sederhana. Ini bermakna perlaksanaan Program UA masih belum memenuhi matlamat dan objektif sepetimana yang telah dirangka. Kajian mendapati bahawa penjelasan terhadap matlamat dan objektif Program UA perlu diterangkan dan seringkali diingatkan kepada pelajar. Ini kerana, pelajar amat bersetuju dengan Program UA yang sedang dijalankan namun mereka masih kabur dengan kurikulum serta objektif sebenar program ulul albab sekalipun mereka telah tamat pengajian di MRSM UA. Ini menjadikan para pelajar tersasar dari matlamat sebenar Program UA. data soal selidik telah membuktikan bahawa para pelajar memerlukan penambahbaikan yang lebih bersistematis di dalam Program UA.

## RUJUKAN

al-Quran al-Karim

al-Hafiz, A. N. (2002). *Panduan bagi Hafiz-Hafizah dan Qari'-Qari'ah: Petunjuk untuk menghafal al-Quran atau ayat-ayat dan surah-surah tertentu serta menjaga dan mengekalkan hafalan*. Batu Caves, Selangor: Penerbitan Darul Iman.

Azmil Hashim (2010). *Penilaian perlaksanaan kurikulum Tahfiz al-Quran di Darul Quran JAKIM dan Ma'ahad Tahfiz al-Quran Negeri* Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.

MRSM Ulul Albab . 2015. E-hafazan Program Ulul Albab. Retrieved from <http://ehafazanua.com>.

Dato' Seri Idris bin Jusoh. 2009. Program Ulul Albab. Retrieved from <http://silveromedia.com.my/idrisjusoh>

Maktab Rendah Sains Mara Kepala Batas. (2016). *Diari Perancangan 2016*. Kepala Batas: Maktab Rendah Sains Mara Kepala Batas.

Mohd. Salleh, A. (1997). *Pendidikan Islam: Falsafah, Pedagogi dan Metodologi*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.

Norhazriah Mohamed @ Ismail. 2012. Program Ulul Albab Suatu Proses Tranformasi Pendidikan Malaysia: Kajian Kes Sekolah Menengah Imtiaz, Terengganu. Workshop Antarabangsa Pembangunan Berteraskan Islam V (WAPI-5).